

Karya cerpen kadazandusun dalam konteks kurikulum

Abstract

Karya-karya cerpen dalam bahasa Kadazandusun sering tersiar dalam akhbar-akhbar harian tempatan di Sabah. Akhbar-akhbar berkenaan memiliki ruangan bahasa Kadazandusun untuk menyiarkan berita-berita dan karya-karya dalam bahasa Kadazandusun. Dalam makalah ini, sebanyak 10 karya cerpen ditinjau untuk melihat adakah muatan karya itu memenuhi kandungan sastera dalam kurikulum bahasa Kadazandusun. Tinjauan dilakukan dengan menggunakan pendekatan pembaca ideal. Proses pembacaan dilakukan untuk mengenal pasti elemen ideologi, konvensi sastera dan budaya. Penganalisan data dijalankan dengan menggunakan kaedah tipologi. Sebanyak 10 cerpen dijadikan sampel. Hasil analisis menunjukkan lima cerpen memiliki muatan yang bersesuaian dengan konteks kurikulum. Manakala lima cerpen lagi tidak memenuhi muatan yang dikehendaki oleh kurikulum. Dari 10 cerpen itu, lima karya dapat dikategorikan sebagai Teks Sastera Kadazandusun, tiga cerpen dalam kategori sastera institusi dan dua cerpen lagi dalam kategori sastera ekonomi.